

# Kerajaan tidak berganjak kekalkan sistem tambatan ringgit

JM 10 JAN 2004

KUALA LUMPUR 9 Jan. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengulangi pendirian tegas kerajaan untuk tidak berganjak dari terus mengekalkan sistem tambatan ringgit yang disandarkan kepada RM3.80 bagi setiap dolar Amerika Syarikat.

Perdana Menteri berkata, ini kerana kerajaan begitu yakin dengan sistem tambatan ringgit yang diperkenalkan pada 1 September 1998.

“Tidak, tidak ada rancangan, kita masih yakin dengan sistem sekarang,” katanya pada sidang akhbar selepas memperngusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini hari ini.

Beliau ditanya wakil media asing mengenai kemungkinan bercadang menarik balik tambatan ringgit selepas mengambil alih teraju kepimpinan dari Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 31 Oktober lepas.

Pada November lepas, Abdullah menolak khobar angin bahawa beliau merancang menghapuskan tambatan ringgit tetapi sebaliknya menegaskan bahawa kerajaan akan terus mengekalkan sistem itu.

Sejak sistem kawalan modal dan tambatan ringgit diperkenalkan oleh Dr. Mahathir, wakil-wakil media asing amat berminat untuk mengajukan soalan mengenai bila sistem itu akan ditamatkan.

Dr. Mahathir memperkenalkan langkah-langkah kawalan modal dan tambatan ringgit pada RM3.80 bagi setiap dolar Amerika Syarikat bertujuan melindungi mata wang dan ekonomi negara daripada serangan spekulatif.

Ringgit masih ditambah walaupun dolar telah merosot kebelakangan ini.

Dalam pada itu, Perdana

Menteri menjelaskan bahawa kerajaan telah pun memperuntukkan wang bagi meneruskan projek Empangan Bakun di Sarawak sebagai usaha menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Kerajaan merupakan pemegang saham terbesar projek Empangan Bakun melalui anak syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MoF Inc.), Sarawak Hidro Sdn. Bhd.

Kelmarin, Kabinet memutuskan untuk meneruskan projek bernilai RM4.5 bilion itu.

Beliau menjelaskan bahawa ada banyak cadangan dibangkitkan bagi meningkatkan permintaan tenaga elektrik di kawasan berkenaan termasuk pembinaan sebuah kilang aluminium.

## Meningkatkan

Sebelum ini Abdullah berkata, Jemaah Menteri bersetuju bahawa perjanjian antara MOF Inc., Sarawak Hidro and GIIG Capital Sdn. Bhd., yang membolehkan GIIG Capital mengambil 60 peratus pegangan ekuiti dalam Sarawak Hidro.

Berikutan itu, wang deposit perjanjian tersebut sebanyak RM94.5 juta yang telah pun dibayar kepada MOF Inc. akan dipulangkan kepada GIIG Capital dengan serta-merta.

Pada 30 Ogos lalu, Kerajaan Malaysia telah menandatangani perjanjian untuk menjual 60 peratus kepentingan Sarawak Hidro kepada GIIG Capital, sebuah syarikat yang dikaitkan dengan tokoh korporat, Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary.